

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024 (NEGERI TERENGGANU)


بهاکين A

[20 مرکه]

جواب سموا سوءالن

سوءالن 1 هيغك سوءالن 5

ايسي تمقت كوسوغ دغن جوافن يغ بتول .



1 P دالم راجه دأتس اياله .

2 Q دالم راجه دأتس اياله .

3 ممفرتاهنكن سرتا مغلكن كداولتن نكارا درفد سبارغ بتوق فنجاجهن دان فنجروبو هن
مروجوع كقد فغرتين .

مبورو بيناتغ كتيك دالم احرام

4 دم يغ دكناكن ترهادف كسالم دنأتس اياله .

5 حكوم منجرايكن ايسري يغ تيدق منجاك مرواه ديري دان بركاءول بييس دغن
للاكي لائين .

[5 مرکه]

سوءالن 6 هيڱل 9

ايسي ثمفت كوسوڱ دغن مميله جوافن يڱ دسدياكن دباوه .

سبب	صحيح	مانع	رخصة	عزيمة
-----	------	------	------	-------

- 6 فربواتن مكلف يڱ چوكوف روكون دان شرطن _____
- 7 فركارا يڱ دشريعتكن دسبيكن وجودن هالغن اونتوق ملقساناكن فريته اصل شرع _____
- 8 فركارا يڱ دجاديكن اوليه شرع سباكاي فغهالغ كغد كوجودن حكوم اتاو سبب حكوم _____
- 9 فركارا يڱ دجاديكن اوليه شرع سباكاي فنجتوس كغد مسواتو حكوم شرع _____

[4 مرکه]

سوءالن 10 هيڱل سوءالن 14.

كاريسكن جوافن يڱ بتول دغن مميله جوافن يڱ دسدياكن ددالم كوروغن .

- 10 ايسري واجب مېوات بايرن كغد سوامي سباكاي كنني روكي (خلع / فسخ)
- 11 محمد مميله سقاسغ كاسوت سچارا دالم تالين دان منريما بارغ ترسبوت ملالوئي فوس
(بيع الاستصناع / بيع السلم)
- 12 عقد اونتوق ميريكن هرتا اتاو منفعت كغد اورغ لائين تنقا سبارغ بالسن .
(عقود المعاوضات / عقود التبرعات)
- 13 موجودكن جواتن خصوص دفرقوستاكان دغن نام صاحب البيت الحكمة .
(خليفة المأموم / خليفة هارون الرشيد)
- 14 لاهير فلباكاي ايستيله فقه دالم فراوندغن اسلام ، روكون ، شرط ، صح ، رخصه
دان لائين ۲ لائي (زمان تابعين / زمان تابع التابعين)

[5 مرکه]

سوءالن 15 هيغك سوءالن 18

تنداكن (✓) باكي فريپاتان يغ بتول دان (✕) باكي فريپاتان يغ ساله .

15 قوم انصار دان مهاجرين برساتو دان دعوه اسلام بر كمبع سماس رسول الله (ص) بردعوه دمكه . []

16 كتاب " الخراج " يغ ممينچچكن حال احوال كاواغن دان فيسكل نكارا دتوليس اوليه ابو يوسف . []

17 منروسي فياكم كعاديلن قد تاهون 1807 ، 1826 دان 1855 ، بيدغ كواس محكمه شريعة تله دحدكن كقد حال احوال قوارشن دان ككلواركان . []

18 كتورونن بني أمية تركنل سباكاي كتورونن يغ ممرينته كوت سوچي مكه سبلوم كبغكيتن رسول الله (ص) . []

[4 مرکه]

سوءالن 19 هيغك سوءالن 20

ايسي تمقت كوسوغ دغن فيليهن جوافن يغ بتول بر كاءين تو كوه تركموك قد زمان خلفاء الراشدين .

خالد بن الوليد

زيد بن ثابت

عبد الرحمن بن عوف

19 دتوكسكن اونتوق مغميمفونكن توليسن القراءن يغ تله دتوليس سماس حياة رسول الله (ص) _____

20 قد زمان خليفة عمر الخطاب ، بلباو تله دلانتيق سباكاي اهلي شوري باكي منچاري فكنتي خليفة _____

[2 مرکه]

بهاکين B

[60 مرکه]

جواب سموا سوءالن

1

فرمان الله سبحانه وتعالى :

أَدْعُوهُمْ لِآبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا آبَاءَهُمْ فَاِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ وَمَوَالِيكُمْ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكِنْ مَا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا (٥) (سورة الأحزاب : ٥)

برداسرکن ايات دأتس ،

(a) پاتاکن دوا تونتوتن حکوم درفد ايات 5 سورة الأحزاب . [2 مرکه]

(b) ترغکن سبب النزول ايات دأتس . [4 مرکه]

(c) جلسکن تیک حکمه منسپکن انق اغکت کفد باف کاندوغ. [6 مرکه]



(d) برداسرکن گمیر دأتس ، ترغکن کلیهین معمیل انق اغکت کفد فاسغن سوامی

ایستری یغ تیدق دکورنیاکن ذوریت. [4 مرکه]

باتس عورة فرلو دجاگ دالم کالغن اهلی کلوارک افایلا انق اغکت تله
عافل بالغ کران کلوارک اغکت بوکنله محرم .

(c) ترغکن دوا لغکة فیلسیاین عورة دان فرکاولن انتارا کلوارک اغکت دان انق اغکت. [4 مرکه]

2 سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم :

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا شَكَّ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاتِهِ فَلَمْ يَدْرِ كَمْ صَلَّى أَثَلَاثًا أَمْ أَرْبَعًا فَلْيَطْرَحِ الشَّكَّ وَلْيَبْنِ عَلَى مَا اسْتَيْقَنَ ثُمَّ يَسْجُدْ سَجْدَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يُسَلِّمَ فَإِنْ كَانَ صَلَّى خَمْسًا شَفَعْنَ لَهُ صَلَاتَهُ وَإِنْ كَانَ صَلَّى إِثْمَانًا لِأَرْبَعٍ كَانَتْ تَرْغِيمًا لِلشَّيْطَانِ.

(رواه مسلم)

(a) -i پاتاکن فغرتین شک دالم صلاة . [2 مرکه]

-ii ترغکن چارا علماء مغیستنباطکن حکوم برداسرکن حدیث دأتس . [4 مرکه]

(b) جلسکن دوا سبب دستکن سجود سهوي . [4 مرکه]

(c) ترغکن چارا فپلساین مسئله برایکوت :

(i) انجیق یوسف سدغ منونایکن صلاة عشاء ، کنیک تحیه اخیر بلیاو شک سام اد تله

رکوع اتاو بلوم قد رکعة ترسبوت . [2 مرکه]

(ii) خديجه منونا يكن صلاة مغرب، سلقس مباح سورة الكافرون قد ركعة فرتام

بلياو ترايغت بهوا بلوم مباح لاكي سورة الفاتحة . [2 مرکه]

(iii) فوان أمانة منونا يكن صلاة ظهور. كتيك براد قد ركعة كأمقت ، بلياو شك

سام اد تله منونا يكن تيک اتاو امقت ركعة . [2 مرکه]

(d) صلاة يغ خشوع منجادي ييتيغ سسأورغ درفد ملاکون کموغکرن .

ترغکن دوا حجه اندا ميوکوغ فپاتاءن دأتس . [4 مرکه]

حج دلقساناکن قد ماس ترتنتو اونتوق منونا يكن عبادة ترتنتو دغن شرط ۲ ترتنتو .

3. (a) ⁻ⁱ پاتاکن ماس اونتوق ملقساناکن روکون وقوف ددالم عبادة حج . [2 مرکه]

-ii جلسکن دوا فرسدیاءن ملقساناکن مناسک حج سوفایا عبادة حج

سسأورغ ایت مندافت حج يغ مبرور . [4 مرکه]

(b) -i باتاكن دوا جنيس معاملة يغ ترداقت ددالم عقود التبرعات . [2 مرکه]

SALAH DIRI SENDIRI JIKA TERJERAT DENGAN AH LONG

ISU ah long bagai tiada kesudahan, masih ramai rakyat Malaysia yang terjerat dengan pinjaman cekik darah ini.

Meskipun sudah berulang kali kisah keganasan ah long dipaparkan, namun masih tidak menjadi pengajaran kepada orang ramai.

Sukar untuk membanteras kegiatan ah long jika masih ada permintaan. Kelulusan mudah menjadi tarikan walaupun peminjam sedar mereka perlu membayar semula dengan jumlah berlipat kali ganda.

Bala juga bakal menunggu bukan sahaja diri sendiri, malah kepada keluarga jika hutang gagal dijelaskan dalam tempoh ditetapkan.

Sumber : Sinar Harian 12 Februari 2021

-ii برداسرکن کرتن أخبار أّس، هورایکن دوا چارا اونثوق مغیلقکن دیری

درفد ترلیبت دغن فرکارا دّس. [4 مرکه]

ددالم فركهوينن ، وليمة العروس ساعثت دتونتوت داداكن اونتوق مميريتاهو اورغ راماي مغنائي
 عقد فركهوينن ترسبوت .
 (c) جلسكن دوا بنتوق وليمة العروس يغ دكالقكن دالم اسلام . [4 مرکه]



Laporan Sinar Online mengenai seorang pelajar maut dipukul gara-gara dituduh mencuri RM85 di asrama kolej vokasional di Sabah. (Gambar kecil: Lam Thye)

Sumber : Sinar Harian 25 Mac 2024

(d) ترغكن حكومن يغ سقاتوتن دلقساناكن معيكوت شريعة كفد فلاكو جناية
 هيغل ميبكن كماتين سقرتي ددالم كرتن اخبر داتس . [4 مرکه]

بهاکين C

[20 مرکه]

جواب ساتو سوءالن سهاج

فرمان الله سبحانه وتعالى :

4 (a) i پاتاکن فغرتين لفظ خاص . [2 مرکه]

إِنِّي وَجَدْتُ أَمْرًا تَنْلِكُهُمْ وَأُوتِيَتْ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ وَلَهَا عَرْشٌ عَظِيمٌ (سورة النمل : ٢٣)

ii هورايکن تخصیص دغن دلیل بوکن نص برکاءین ایات دأتس . [4 مرکه]

(b) i پاتاکن دوا کساهن یغ ترماسوق دالم فرکارا جنایة دباوه بیدغ کواس

محکمه شریعة . [2 مرکه]

ii ترغکن دوا کسن فنبوھن محکمہ شریعة . [4 مرکه]

(c) i ترغکن دوا سومبغن طارق بن زیاد دالم بیدغ کتنراغن . [4 مرکه]

ii جلسکن دوا فکتور یغ مہو کوغ کفد ککمیلغن تمدون بنی أمیة . [4 مرکه]

5. (a) i پاتاکن فُغرتین الإستصحاب . [2 مرکه]

ii جلسکن دوا فمبهاکین کمصلحتن ماءنسی مٹیکوت کاوتاماءن بسرتا
چونتوه . [4 مرکه]

(b) ترغکن دوا فرکمبغن فراوندغن اسلام قد زمان صحابت . [4 مرکه]

(c) جلسکن دوا چیری اوندغ ۲ اسلام . [4 مرکه]

(a) i پاتاکن دوا توکوه یغ مشهور قد زمان بنی عباسیة [2 مرکه]

(d) ii ترغکن دوا سبب یغ میومبغ کفد کمروسوتن تمدون کراجاءن بنی عباسیة . [4 مرکه]

BAHAGIAN A
PERATURAN PEMARKAHAN

No. Soalan	Jawapan	Markah
1	Waakifun (واقف)	1m
2	Mauquf (موقوف)	1m
3	Mempertahankan negara	1m
4	Takhyir Ta'dil	1m
5	Sunat	1m
6	Sohih	1m
7	Rukhsah	1m
8	Mani'	1m
9	Sebab	1m
10	Khulu'	1m
11	Bai' salam	1m
12	Ukud Attabaru'at	1m
13	Khalifah Al Makmum	1m
14	Zaman tabi' attabiin	1m
15	X	1m
16	/	1m
17	X	1m
18	/	1m
19	Zaid bin Thabit	1m
20	Abdul Rahman bin Auf	1m
BAHAGIAN B		
1	(a) Dua suruhan dalam ayat: - Wajib menasabkan anak angkat dengan bapa kandung - Anak angkat yang tidak diketahui bapa kandungnya boleh dipanggil dengan panggilan saudaraku - Tidak berdosa jika tidak sengaja menasabkan anak angkat dengan nama bapa angkat, tetapi dikira berdosa jika disengajakan.	2m
	(b) Sebab nuzul ayat: - Berkaitan dengan kisah Zaid bin Harithah bekas hamba Rasulullah - Rasulullah telah mengambil Zaid bin Harithah sebagai anak angkat sebelum kerasulan baginda. - Orang ramai memanggilnya dengan nama zaid bin Muhammad - Lalu turunlah ayat ini yang melarang perbuatan tersebut dan memerintahkan untuk menasabkan anak angkat kepada bapa kandung.	4 isi x 1m = 4m

	(c)	Hikmah suruhan menasabkan anak angkat kepada bapa kandung: - Memelihara salasilah keluarga supaya tidak bercampur dengan orang yang tiada hubungan kekeluargaan - Memastikan hukum perkahwinan anak angkat perempuan sah apabila walinya ialah bapa kandung - Memelihara hak seorang anak angkat kepada bapa kandungnya seperti hak pewarisan harta pusaka - Mengiktiraf bapa kandung supaya dapat mengekalkan pertalian nasab antara mereka bukan mahram - Anak angkat dapat mengenal asal usul keluarga kandung supaya tidak berlaku kekeliruan pada masa depan - Menjaga batas aurat dan pergaulan antara anak angkat dengan keluarga angkat kerana mereka tidak mampu	3 isi x 2m = 6m												
	(d)	Kelebihan mengambil anak angkat. <table><tr><td>Isi</td><td>Memberikan kebahagiaan kepada mereka</td><td>1M</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>agar dapat menjalani kehidupan berkeluarga seperti orang lain</td><td>1M</td></tr><tr><td>Contoh/dalil /hujah</td><td>dengan mencurahkan kasih sayang kepada anak angkat</td><td>1M</td></tr><tr><td>Kesimpulan</td><td>Oleh itu pasangan yang tidak dikurniakan zuriat boleh merasai kehidupan dengan gembira dan harmoni dengan kewujudan anak angkat dalam keluarga.</td><td>1M</td></tr></table>	Isi	Memberikan kebahagiaan kepada mereka	1M	Huraian	agar dapat menjalani kehidupan berkeluarga seperti orang lain	1M	Contoh/dalil /hujah	dengan mencurahkan kasih sayang kepada anak angkat	1M	Kesimpulan	Oleh itu pasangan yang tidak dikurniakan zuriat boleh merasai kehidupan dengan gembira dan harmoni dengan kewujudan anak angkat dalam keluarga.	1M	4 isi x 1m = 4m
Isi	Memberikan kebahagiaan kepada mereka	1M													
Huraian	agar dapat menjalani kehidupan berkeluarga seperti orang lain	1M													
Contoh/dalil /hujah	dengan mencurahkan kasih sayang kepada anak angkat	1M													
Kesimpulan	Oleh itu pasangan yang tidak dikurniakan zuriat boleh merasai kehidupan dengan gembira dan harmoni dengan kewujudan anak angkat dalam keluarga.	1M													
	(e)	Dua langkah penyelesaian aurat antara keluarga angkat dan anak angkat: - Mengambil anak angkat dalam kalangan ahli keluarga yang terdekat seperti anak perempuan daripada adik beradik sebelah bapa atau anak lelaki daripada adik beradik sebelah ibu. - Menjadikan anak angkat sebagai anak susuan sebanyak lima kali kenyang sebelum mereka mencapai umur dua tahun. - Memberitahu anak angkat tentang keluarga kandung mereka - Memberikan Pendidikan agama yang secukupnya sejak kecil tentang batas aurat dan adab pergaulan dalam keluarga.	2 isi x 2m = 4m												
2.	(a)	Pengertian syak dalam solat													
	(i)	- Keadaan terlupa atau terlalai semasa melakukan ibadah solat seperti terlupa bil rakaat atau tertinggal sunat ab'ad	2m												
	(ii)	Cara Ulama' Istibat Hukum - Lafaz فليطرح ولبين													

		- Keduanya adalah لام الامر yang didahului dengan فعل المضارع yang menunjukkan perintah - Setiap perintah adalah wajib - Oleh itu wajib menghilangkan keraguan dalam solat berdasarkan keyakinan	4 isi x 1m = 4m
	(b)	Dua Sebab Disunatkan sujud sahwi : - Berlaku keraguan bilangan rakaat dalam solat - Meninggalkan mana-mana sunat ab'ad - Tidak sengaja melakukan perbuatan yang ditegah yang jika dilakukan akan membatalkan solat - Membaca bacaan sunat bukan pada tempatnya	2 isi x 2m = 4m
	(c)	Cara penyelesaian masalah :	
	(i)	- Encik Yusof hendaklah segera berdiri tambah satu rakaat - Sunat sujud sahwi sebelum salam	2 isi x 1m = 2m
	(ii)	- Khadijah hendaklah terus membaca al fatihah, tidak perlu menambah rakaat - Tidak perlu sujud sahwi sebelum salam	2 isi x 1m = 2m
	(iii)	- Aminah yakin dan membuat Keputusan 3 rakaat, wajib tambah rakaat - Sunat sujud sahwi sebelum salam.	2 isi x 1m = 2m
	(d)	Hujjah solat yang khusyuk menjadi benteng melakukan kemungkaran. - Solat yang khusyuk menjadikan jiwanya tenang dan sentiasa dalam perlindungan Allah S.W.T - Penghayataan bacaan dalam solat dapat meningkatkan keimanan kepada Allah S.W.T, sekaligus terpelihara daripada dosa dan maksiat - Orang ang khusyuk dalam solat sentiasa mengawal hati, pemikiran, perasaan dan anggotanya daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T	2 isi x 2m = 4m
3	(a)i	Masa wukuf - Bermula dari gelincir matahari (masuk waktu zohor) hari 9 zulhijjah sehingga sebelum terbit fajar (masuk waktu subuh) hari 10 zulhijjah.	2m
	ii	Dua persediaan Manasik haji - Memastikan semua kewajipan agama telah dilaksanakan dengan sempurna dengan sebelum pergi mengerjakan manasik haji dan umrah. - Memahami dan mendalami ilmu berkaitan manasik haji dan umrah. - Memastikan sumber kewangan yang digunakan untuk perbelanjaan haji dan umrah diperolehi secara halal. - Memastikan Kesihatan tubuh badan yang baik bagi membolehkan ibadat haji dan umrah dilakukan dengan sempurna. - Memastikan semua hutang peutang yang wajib dibayar telah dilunaskan - Bertaubat daripada semua dosa terutamanya dosa besar seperti derhaka kepada kedua ibubapa.	2 isi x 2m = 4m

	(b)i	Jenis muamalat yang terdapat di dalam ukud at-tabaru'at - Al- hibbah - Al-wadhiah - Al-qardu' - Al-kafallah - Al-rahnu	2 isi x 1m = 2m																
	ii	Cara untuk mengelakkan diri daripada terlibat dengan AhLong - Berbelanja mengikut kemampuan dan keperluan serta jauhi sifat boros /untuk mengelakkan daripada berhutang. - Amalkan budaya menabung sejak kecil/ untuk kegunaan diwaktu kecemasan dan kesempitan - Jika memerlukan kepada pinjaman pergilah kepada bank-bank yang diiktiraf Kerajaan/ jauhi pinjaman wang yang tidak berlesen.	2 isi x 2m = 4m																
	(c)	Dua bentuk walimatul urus yang digalakkan - Diadakan dengan sederhana tanpa menyebabkan beban hutang - Diadakan dengan niat untuk bersedekahdan menzahirkan rasa syukur kepada Allah S.W.T - Diadakan bertujuan untuk merapatkan hubungan antara anggota masyarakat dengan kaum kerabat - Tiada perkara mungkar dan maksiat yang berlaku ketika majlis berlangsung	2 isi x 2m = 4m																
	(d)	Hukuman yang perlu dilaksanakan Jawapan Cadangan 1<table><tr><td>Isi</td><td>Kesalahan diatas boleh dikenakan hukuman takzir</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>Jika memukul tanpa niat untuk membunuh</td></tr><tr><td>Huraian lengkap (contoh)</td><td>Pesalah hendaklah dikenakan bayaran pampasan yang sesuai mengikut keadaan semasa.</td></tr><tr><td>Kesimpulan</td><td>Bentuk hukuman takzir seperti penjara juga boleh dikenakan kepada penjenayah tersebut agar perlakuan zalim ini dapat dibendung.</td></tr></table> Jawapan Cadangan 2<table><tr><td>Isi</td><td>Kesalahan diatas boleh dikenakan hukuman qisas</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>Jika memukul dengan niat untuk membunuh</td></tr><tr><td>Huraian lengkap (contoh)</td><td>Pesalah hendaklah dikenakan hukuman bunuh jika cukup syarat-syarat yang telah ditetapkan dan terbukti memukul dengan niat untuk membunuh</td></tr><tr><td>kesimpulan</td><td>Hukuman qisas bunuh dibalas bunuh ini perlu dilaksanakan agar perlakuan zalim ini dapat dibendung.</td></tr></table>	Isi	Kesalahan diatas boleh dikenakan hukuman takzir	Huraian	Jika memukul tanpa niat untuk membunuh	Huraian lengkap (contoh)	Pesalah hendaklah dikenakan bayaran pampasan yang sesuai mengikut keadaan semasa.	Kesimpulan	Bentuk hukuman takzir seperti penjara juga boleh dikenakan kepada penjenayah tersebut agar perlakuan zalim ini dapat dibendung.	Isi	Kesalahan diatas boleh dikenakan hukuman qisas	Huraian	Jika memukul dengan niat untuk membunuh	Huraian lengkap (contoh)	Pesalah hendaklah dikenakan hukuman bunuh jika cukup syarat-syarat yang telah ditetapkan dan terbukti memukul dengan niat untuk membunuh	kesimpulan	Hukuman qisas bunuh dibalas bunuh ini perlu dilaksanakan agar perlakuan zalim ini dapat dibendung.	4 isi x 1m = 4m
Isi	Kesalahan diatas boleh dikenakan hukuman takzir																		
Huraian	Jika memukul tanpa niat untuk membunuh																		
Huraian lengkap (contoh)	Pesalah hendaklah dikenakan bayaran pampasan yang sesuai mengikut keadaan semasa.																		
Kesimpulan	Bentuk hukuman takzir seperti penjara juga boleh dikenakan kepada penjenayah tersebut agar perlakuan zalim ini dapat dibendung.																		
Isi	Kesalahan diatas boleh dikenakan hukuman qisas																		
Huraian	Jika memukul dengan niat untuk membunuh																		
Huraian lengkap (contoh)	Pesalah hendaklah dikenakan hukuman bunuh jika cukup syarat-syarat yang telah ditetapkan dan terbukti memukul dengan niat untuk membunuh																		
kesimpulan	Hukuman qisas bunuh dibalas bunuh ini perlu dilaksanakan agar perlakuan zalim ini dapat dibendung.																		

BAHAGIAN C			
4	(a)i	Pengertian lafaz khas - Lafaz yang menunjukkan makna khusus bagi sesuatu perkara sama ada nama khas atau bilangan tertentu.	2m
	ii	Huraian Takhsis dalam ayat di atas - كل adalah lafaz am - Bermaksud Balqis mempunyai segala-galanya - Ditakhsiskan dengan uruf dan adat kebiasaan - Bahawa harta Nabi Sulaiman tidak termasuk dalam penguasaannya	4 isi x 1m = 4m
	(b)i	Dua kesalahan dalam perkara jenayah - Kesalahan berkaitan dengan perkahwinan - Kesalahan berkaitan dengan seks - Kesalahan berkaitan dengan minuman keras - Kesalahan berhumung dengan akidah - Kesalahan berkaitan dengan keimanan	2 isi x 1m = 2m
	ii	Dua kesan penubuhan mahkamah syariah - Undang-undang Islam dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan dalam negara - Isu-isu berkaitan dengan jenayah syariah khususnya penjagaan akidah orang Islam dapat diselesaikan di Mahkamah Syariah. - Menyusun atur dan menyelaraskan isu-isu kekeluargaan Islam yang berlaku dalam kalangan orang Islam.	2 isi x 2m = 4m
	(c)i	Dua sumbangan Thariq bin Ziyad dalam bidang ketenteraan - Dilantik memimpin tentera Islam hingga memenangi beberapa siri peperangan di Afrika Utara - Berjaya membuka Andalus melalui strategi peperangan yang disusun rapi semasa zaman Khalifah Al Walid bin Abd Malik	2 isi x 2m = 4m
	ii	Dua faktor yang menyokong kepada kegemilangan tamadun bani Umayyah - Mengamalkan syura dalam pentadbiran hal ehwal negara bagi menjamin kemaslahatan rakyat dapat ditegakkan. - Kebebasan bersuara yang diberikan oleh khalifah kepada rakyat iaitu setiap teguran diterima dengan baik tanpa menerima sebarang ancaman. - menguatkan pertahanan negara Islam dari aspek ketenteraan seperti menaikkan gaji, menjaga kebajikan dan meningkatkan jumlah kapal perang. - Menjaga Kebajikan rakyat dan membanteras kemiskinan seperti memperuntukkan bantuan khas bagi setiap individu miskin.	

		- Menggalakkan aktiviti pertanian dengan cara mengusahakan tanah kerajaan yang subur dan membina terusan pengairan. - Menggalakkan perkembangan aktiviti perniagaan menyediakan kemudahan kepada peniaga - Memberikan tumpuan dalam teknologi pembuatan kapal perang	2 isi x 2m = 4m
5	(a)i	Pengertian istishab Mensabitkan atau menafikan hukum sesuatu perkara pada masa kini berdasarkan kepada hukumnya pada masa lalu/disebabkan tiada dalil yang mengubahnya	2m
	ii	Dua pembahagian kemaslahatan manusia mengikut keutamaan: - ضروريات – Kebaikan utama yg menjadi asas kehidupan /supaya kehidupan tidak rosak seperti hukuman jenayah dalam Islam - حاجيات – Kebaikan biasa yang diperlukan dalam kehidupan/untuk memudahkan dan dapat mengelak daripada kesusahan seperti jual beli secara online - تحسينيات – Keperluan yang memberi keselesaan seperti keperluan pakaian mengikut fesyen semasa, keperluan penghawa dingin.	2 isi x 2m = 4m
	(b)	Perkembangan perundangan pada zaman sahabat - Berlakunya pengumpulan ayat al-Quran dalam bentuk mashaf - Berlakunya ijma' ulama' pada masalah baru - Wujud beberapa hukum baru hasil ijtihad para sahabat - Lahir fuqaha' dalam kalangan sahabat khususnya dalam bidang perundangan.	2 isi x 2m = 4m
	(c)	Dua ciri undang-undang Islam - Rabbaniyah – hukum syariat bukan ciptaan manusia - Aalamiyah – prinsip beridentitikan kemanusiaan dan universal. Yang mana tanpa mengira warna kulit, pertuturan atau tempat. - Syumuliyah- mencakupi setiap aspek kemasyarakatan dan kehidupan yang berkaitan dengan akidah, ibadat dan akhlak. - Sumber asli dan kekal – sumber al-quran dan assunnah dijamin terpelihara kekal hingga hari kiamat. - Menghilangkan kesulitan dan mendatangkan kemudahan – sistem yang tidak membebankan dan menyukarkan umatnya, bahkan ada kebaikan dalam kehidupan.	2 isi x 2m = 4m
	(d)i	Dua tokoh yang masyhur pada zaman abbasiyah - Abu Yusof - Al Khawarizmi	2 isi x 1m = 2m

	ii Dua sebab kemerosotan tamadun Abbasiyah - Pemerintah dan penguasa mula leka dengan kemewahan sehingga tidak mampu mentadbir negara dengan baik. - Campur tangan orang-orang Turkey dalam pemerintahan negara yang tidak ditangani dengan baik. - Situasi ekonomi yang tidak stabil kerana kelemahan pemerintah yang leka dengan hiburan yang melalaikan - Masalah dalaman Ketika zaman Buwaihi apabila berlaku perebutan kuasa dan merebak dalam kalangan tebtera - Serangan tentera Monggol pada tahun 1258m/ 656h	2 isi x 2m = 4m
--	---	----------------------------